

16 AUG 2001

Mahathir-Islam

DR MAHATHIR MINTA UMAT ISLAM HENTIKAN PERBAHALAN

Oleh: Abdul Muid Majid

SANA'A, 16 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam perlu menghentikan perbalahan sesama mereka dan sebaliknya berusaha menimba ilmu untuk membawa negara-negara Islam ke arah pembangunan bagi menyaingi negara maju.

Perdana Menteri berkata perselisihan faham di kalangan mereka boleh menyebabkan negara-negara Islam menjadi lemah sehingga memberi kesempatan kepada pihak lain menindas umat Islam seperti yang sedang berlaku di Palestin.

"Bergaduh sesama kita bukan ajaran Islam. Saya berpendapat kita perlu bekerjasama untuk menjadi kuat," katanya pada satu mesyuarat dan dialog dengan Majlis Syura Yaman, sebuah badan penasihat kepada kerajaan Yaman yang dianggotai ulama, cerdik pandai dan wakil sektor swasta di sini hari ini.

Dr Mahathir yang tiba semalam untuk lawatan empat hari ke Yaman, berkata bahawa mengelak daripada berbalah merupakan strategi penting untuk mencapai kemajuan bersama dan membolehkan umat Islam saling melindungi sesama ummah.

Dalam ucapannya selama 40 minit itu, Dr Mahathir berkata umat Islam bukannya bodoh kerana mereka terbukti mampu membentuk tamadun dan empayar yang boleh dibanggakan di masa lampau.

Dr Mahathir berkata: "Di Malaysia, kami cuba membuktikan bahawa sesebuah negara Islam boleh menjadi maju seperti mana-mana negara maju yang lain."

Katanya beliau yakin jika umat Islam berganding bahu, dalam masa beberapa dekad ini mereka akan menjadi kaya seperti negara maju dan ketika itu, tidak ada pihak yang berani menindas umat Islam lagi.

"Sebagai umat Islam, kita bertanggungjawab untuk melindungi umat Islam yang lain. Tetapi kita tidak dapat melakukannya jika kita lemah dan miskin," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga memberitahu lebih 200 orang yang hadir bagaimana Malaysia mampu menjadi stabil daripada segi politik dan bagaimana ia berjaya mengubah ekonominya sehingga menjadi negara perdagangan ke-17 terbesar di dunia.

Beliau juga menceritakan tentang cara Kuala Lumpur menangani krisis ekonomi dan kewangan serantau pada 1997, menjelaskan kaedah Persyarikatan Malaysia serta usaha Malaysia meraih manfaat daripada era teknologi maklumat.

Katanya umat Islam atau negara Islam tidak sepatutnya terpinggir dari era maklumat.

Dr Mahathir juga berkata untuk menjadi kaya, sesebuah negara tidak boleh hanya bergantung kepada sektor pertanian kerana yang lebih wajar ialah bagi mereka untuk terlibat dalam perindustrian.

Semasa sesi soal jawab, Perdana Menteri mengingatkan mereka yang hadir mengenai bahaya globalisasi yang digubal oleh Barat.

Mengenai penggunaan dinar emas untuk urusan perdagangan, beliau berkata perkara itu sedang dikaji.

"Jika kita ada dinar sebagai simpanan dan perdagangan dijalankan menggunakan dinar emas, nilai sesuatu mata wang itu dapat menjadi stabil," katanya.

Sebelum menghadiri perjumpaan itu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya dari Yaman Abdul Kader Ba Jammal sebelum

kedua-duanya mengetuai delegasi masing-masing ke mesyuarat dua hala yang berlangsung selama satu jam.

Dua memorandum persefahaman ditandatangani selepas mesyuarat itu -- satu bagi pembentukan Suruhanjaya Bersama Yaman-Malaysia dan satu lagi mengenai kerjasama dan latihan untuk kakitangan awam.

-- BERNAMA

MAM MAI